



JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA

Kementerian Pertahanan Malaysia
Blok B, Bangunan Zetro, Jalan 9/27C
Seksyen 5, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

Telefon : (60)3-40133631

Portal Rasmi : jlkn.mod.gov.my

E-mel : info.jlkn@mod.gov.my

Rujukan kami : JLKN.100-9/1/4 (49)

Tarikh : 15 Mei 2025

SIARAN MEDIA

PENAFIAN BERKENAAN AGEN BAGI PEROLEHAN KERAJAAN MALAYSIA

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) tidak memberi kuasa atau melantik mana-mana individu/kumpulan untuk bertindak sebagai ejen bagi mencari pembida dalam tender Kerajaan bagi pihak JLKN. Syarikat adalah dinasihatkan supaya mendapatkan semua maklumat tender/sebut harga melalui portal ePerolehan (<https://www.eperolehan.gov.my/>).

Portal ePerolehan merupakan gerbang utama bagi perolehan Kerajaan Malaysia yang memaparkan iklan dan keputusan tender. Syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan tawaran tender mereka secara terus kepada Kementerian/Jabatan tanpa penglibatan mana-mana ejen atau pihak ketiga.

Jika syarikat didatangi atau dihubungi oleh mana-mana individu/kumpulan yang mendakwa menjadi ejen perolehan untuk JLKN, syarikat adalah dipohon untuk mendapatkan penjelasan terus daripada Unit Perolehan JLKN, atau membuat laporan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) jika terdapat sebarang keraguan.

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Unit Perolehan, Bahagian Kewangan JLKN di talian 03-4013 3642 | emel: shafwan@mod.gov.my

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)
15 Mei 2025